

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 16 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan Kerajaan terhadap permohonan semua Ahli Parlimen Malaysia ke-14 sama ada daripada Kerajaan atau Pembangkang diambil perhatian dan diperturunkan bantuan dan dana peruntukan. Ini kerana rakyat di kawasan luar bandar amat memerlukan pembangunan dan bantuan terutamanya di kawasan Parlimen Bukit Gantang.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen Bukan Kerajaan sebanyak RM100 ribu untuk tahun 2019. Peruntukan ini diuruskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri di negeri masing-masing. Yang Berhormat boleh berurusan dengan Pejabat Pembangunan Negeri berkaitan dengan peruntukan ini.

Selain itu, bagi pembangunan kawasan luar bandar terdapat kementerian-kementerian yang berkaitan yang akan merancang serta menyelaras pembangunan tersebut mengikut keperluan dan keutamaan dengan mengambil kira peruntukan kementerian tersebut. Sekian, terima kasih